

# ‘Serah semula tanah jika tak mampu teruskan projek’

Ahli Parlimen Titiwangsa syor syarikat lebih berwibawa ambil alih pembangunan

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani menggesa pemaju bagi projek pembangunan semula kawasan di Kampung Sungai Baru di sini, menyerahkan semula tanah berkenaan jika tidak lagi mempunyai kemampuan meneruskan projek berkenaan.

Menteri Perlindungan dan Komoditi itu berkata, beliau dapati kawasan terbabit belum menyaksikan sebarang projek pembangunan walaupun 95 peratus penduduk di situ sudah berpindah sejak enam tahun lalu.

Walaupun sudah berkali-kali perbincangan dilakukan dengan pemaju, beliau berkata, langsung tidak ada perkembangan berhubung perkara itu kerana mendapati syarikat terbabit kemungkinan berdepan masalah kewangan.

“Mereka sudah memindahkan hampir 200 penduduk di sini dan hingga hari ini, sudah enam tahun mereka berpindah, tetapi tidak dapat balik unit mereka.

“Jadi, saya nak bawa pemaju yang merancang untuk membina ini, kalau sudah enam tahun (berlalu), kalau tak boleh nak buat kerana tidak ada kewangan dan kerajaan sudah bagi sokongan untuk pengambilalihan tanah.



Gambar fail blok pangsapuri Kampung Sungai Baru yang terbabit dalam projek pembangunan semula.

“Sudah buat semua, tetapi dia (syarikat pemaju) tak boleh teruskan untuk pembangunan ini, untuk membawa balik orang yang sudah berpindah.

“Maka, saya cadangkan supaya dia *surrender* (serahkan kembali) tanah ini kepada syarikat atau agensi kerajaan yang lebih berwibawa untuk siapkan projek ini,” katanya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat Parlimen Titiwangsa di Kampung Baru, semalam.

## Jadi sarang dadah

Berikutan projek pembangunan yang belum lagi bermula, Johari berkata bangunan yang berada di situ bertukar menjadi tempat masalah sosial.

Dakwanya, bangunan kosong di kampung itu kini menjadi ‘pusat’ menghisap dadah.

“Hari ini kalau kita tengok Kampung Sungai Baru, masyarakat sudah pindah dan bangunan

pun kosong. Sudah jadi macam pusat orang datang hisap dadah di dalamnya.

“Kalau kita tengok tikus pun ada di dalamnya sebab bangunan tak ada orang nak buat. Jadi, saya nak desak Jabatan Wilayah Persekutuan dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta pemaju, kalau tak boleh buat agar *surrender* (serahkan semula) sebab orang tunggu lama.

“Mereka (penduduk) sudah korbankan rumah mereka, tetapi dia tak dapat balik rumah. Yang ini saya tekankan supaya saya akan terus pastikan projek ini mesti dimulakan. Untuk menunjukkan ia dimulakan, kena robah dulu blok yang dikosongkan supaya tidak ada isu yang berbangkit dalam kawasan berkenaan,” katanya.

Isu pengambilan tanah Kampung Sungai Baru membabitkan 67 unit rumah teres dan 14 blok pangsapuri dikenali sebagai Pangsapuri Sungai Baru, dengan pro-

ses pengambilan tanah bermula sejak 2016.

Sesetengah penduduk, terutama penghuni rumah teres tidak bersetuju dengan kadar pampasan RM400 kaki persegi ditetapkan Pejabat Tanah dan Galian Persekutuan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pada Februari tahun lalu, penduduk Kampung Sungai Baru menyerahkan memorandum supaya kerajaan membatalkan penangguhan projek pembangunan kawasan itu seperti diumumkan Perdana Menteri.

Majoriti penduduk mahu pembangunan semula kawasan itu yang tertangguh sejak enam tahun lalu diteruskan.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan supaya projek pembangunan semula kawasan di Kampung Sungai Baru, tidak ditangguhkan lagi selepas ia tertangguh sejak enam tahun lalu.